

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[SUNGAI SIPUT]**  
**TARIKH : 19 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pembayaran kepada pihak swasta untuk perkhidmatan pembersihan (*house-keeping*) hospital, klinik dan pejabat kesihatan bagi tahun 2014 dan 2015. Berapakah bilangan pekerja yang diupah oleh pihak kontraktor swasta dalam membekal perkhidmatan ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Skop perkhidmatan pembersihan (*house-keeping*) merupakan salah satu skop dalam Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) yang dilaksanakan oleh lima (5) syarikat iaitu Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., Radicare (M) Sdn. Bhd. (Radicare), Medivest Sdn. Bhd., One Medicare Sdn. Bhd. dan Sedafiat Sdn. Bhd. ke atas 148 buah hospital kerajaan.

Di samping Perjanjian Konsesi PSH dengan lima (5) syarikat di atas, Kementerian Kesihatan Malaysia turut mempunyai 21 kontrak perkhidmatan pembersihan yang dilaksanakan secara tender terbuka. Jumlah pembayaran yang telah dibayar kepada pihak syarikat pada tahun 2014 dan 2015 ialah sebanyak RM210,950,524 dan RM268,211,603 dengan bilangan pekerja yang diupah oleh pihak syarikat dalam membekal perkhidmatan ini adalah seramai 13,671 orang.